

CNSJ 992

U GB 24-12 00147 BA366

aah

MALAYSIA CADANG JEPUN KAJI SEMULA SYARAT PINJAMAN MUDAH

Mahathir - Pinjaman

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

TOKYO, 24 Dis (Bernama)-- Malaysia menyarankan agar Jepun mengkaji semula syarat bagi pinjaman mudah kepada negara-negara memhangun memandangkan kepada keadaan semasa dalam pasaran wang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat saranan itu ketika bertemu rakan sejawatannya, Encik Kiichi Miyazawa, di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang dalam lawatan kerja ke Jepun, berkata Malaysia berpendapat bahawa kajian semula itu perlu memandangkan keadaan 1 emah dollar Amerika berbanding dengan Yen Jepun.

Beliau memberitahu wartawan Malaysia bahawa syarat sekarang yang menghadkan kelayakan pendapatan per kapita bagi pinjaman seumpama itu pada AS\$2,300 (kira-kira \$6,210) sudah lama ditetapkan ketika Dollar Amerika begitu teguh.

+Memandangkan dollar Amerika sudah menurun, kami berpendapat syarat ini hendaklah dikaji semula, katanya. -- Lagi.

♥24/12/15-28MST

U GB 24-12 00171 BA367

aah

Mahathir - Pinjaman 2 Tokyo

Pada pertemuan itu, kedua-dua pemimpin juga bertukar-tukar pendapat mengenai perkembangan politik semasa di rantau ini dan dunia.

Datuk Seri Dr Mahathir juga memaklumkan kepada Perdana Menteri Jepun mengenai perkembangan di Asia Tenggara dan wujudnya arah aliran terhadap demokrasi di semenanjung Korea.

Mengenai perkembangan di Soviet Union, Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau melahirkan kebimbangannya terhadap campur tangan asing dalam hal ehwal dalaman republik-republik itu.

Beliau berkata, seharusnya terdapat pengawasan antarabangsa berkaitan dengan sebarang persempadanan semula kawasan sempadan yang membabitkan republik-republik Soviet.

Semasa di sini, Datuk Seri Dr Mahathir akan menemui usahawan, ahli perniagaan dan pemimpin korporat Jepun.

Katanya, beliau akan bertukar-tukar pendapat dengan mereka mengenai cara mana mereka boleh memainkan peranan yang lebih besar dalam pembangunan ekonomi Malaysia.

Semalam, beliau menemui wakil-wakil Bank of Tokyo

Perbadanan-perbadanan Daihatsu dan Mitsubishi untuk membincangkan perkara yang sama.

Perdana Menteri dijadualkan berlepas ke Seoul pada 26 Dis bagi lawatan yang sama. -- Bernama.

♥24/12/15-33MST